

Tidak kabur azam

Hidap glaucoma sejak darjah tiga tidak patahkan semangat wanita untuk belajar ke menara gading

►ZAINAL JAMARI
jaz@sph.com.sg

DARI satu anak tangga ke satu lagi, penuntut lain boleh bergegas jalan, berlari dan ada juga yang melompat.

Bagi mereka, cabaran mungkin untuk mendapatkan gred terbaik dan pekerjaan bergaji besar.

Namun bagi Cik Nuraziana Mohamed Said, menaiki dan menuruni anak-anak tangga untuk ke dewah kuliah Universiti Institut Pengurusan Singapura (UniSIM) sahaja sudah merupakan satu cabaran.

Belum lagi mengikuti kuliah atau mengambil nota.

Tetapi semangat besar yang tidak pernah menerima bahawa kekurangannya dijadikan alasan untuk mengejar cita-cita yang terus membakar jiwa wanita bertubuh comel ini mendaki tangga-tangga kejayaan.

Cik Nuraziana, 29 tahun, sebenarnya cacat penglihatan dan memerlukan tongkat untuk berjalan. Beliau kini penuntut tahun akhir di UniSIM dalam jurusan Bahasa dan Sastera Melayu.

Tetapi beliau yang baru berumahtangga pada tahun lalu, tidak dilahirkan sedemikian.

"Saya seperti kanak-kanak lain semasa dilahirkan," ceritanya.

Semasa di darjah tiga, beliau diserang glaucoma – penglihatan mata yang menjadi kabur akibat kerosakan pada saraf optik. Saraf ini membawa maklumat visual dari mata ke otak.

Pada kebanyakan kes, kerosakan pada saraf optik berlaku kerana tekanan yang kian meningkat pada mata.

Tetapi menurut Cik Ziana, doktor memberitahu penyakit beliau akibat keturunan.

"Ini agak aneh kerana setahu saya, tiada keturunan keluarga saya yang mengidap glaucoma," katanya.

Beliau kemudian dibedah tetapi keadaan matanya tidak dapat diselamatkan.

Dari darjah empat hingga enam, Cik Nuraziana meneruskan persekolahan di Sekolah Untuk Yang Cacat Penglihatan (School for the Visually Handicapped) di Thomson Road, di Sekolah Menengah Ahmad Ibrahim hingga menengah empat sebelum ke ITE Clementi mengambil jurusan akaun.

Berkat ketekunannya, Cik Nuraziana berjaya melangkah dari ITE ke Politeknik Nanyang di mana beliau meraih diploma pengurusan perniagaan.

Beliau bekerja dengan beberapa syarikat hingga tahun lalu apabila berhenti untuk menumpukan sepenuh masa dengan pengajian di UniSIM.

Menurut Cik Nuraziana, beliau boleh nampak sedikit-sedikit benda-benda di hadapannya, tetapi ia lebih kecil daripada yang dilihat mata biasa.

"Akibatnya, kadang-kadang reaksi saya lambat sedikit. Kalau orang melihat mata saya, mungkin tidak ramai yang sedar bahawa penglihatan saya kabur."

"Itulah sebabnya saya perlukan tongkat agar mereka memahami keadaan saya."

Cik Nuraziana berkata antara sebab beliau sanggup bersusah-payah belajar hingga ke menara gading ialah kerana minat terhadap ilmu pengetahuan.

"Dari segi fizikal, saya mungkin tidak seperti orang biasa. Tetapi saya tidak mahu kekurangan itu dijadikan alasan untuk tidak mencapai sesuatu."

"Semua orang ada kelebihan dan kekurangan. Saya lebih suka memberi tumpuan pada kelebihan saya dan mengejar sesuatu daripada tidak henti-henti menyesali kekurangan saya," tegas Cik Nuraziana yang sentiasa berbual dengan nada ceria.

Anak keenam daripada lima beradik, Cik

Nuraziana merupakan anak tunggal perempuan kepada Encik Mohamed Said, 65 tahun, dan Cik Ruzanah Ahmad, 60 tahun.

Kedua ibu bapanya bekerja sebagai pembersih di Universiti Teknologi Nanyang (NTU). Bapanya menghantar dan menjemput pulang Cik Nuraziana dari rumah mereka di Choa Chu Kang.

Suami Cik Nuraziana, Encik Muhamad Iskandar Misran, 33 tahun, juga cacat penglihatan dan bekerja sebagai ahli refleksologi di sebuah klinik Perubatan Tradisional Cina.

Menurut Cik Nuraziana, beliau banyak bergantung pada pita untuk mengikuti kuliah. Pita itu kemudian dihantar ke sebuah syarikat – The Production Unit – yang menukarannya pada bentuk tulisan. Dengan sofwe yang ada, Cik Nuraziana dapat membaca nota-nota kuliah perlahan-lahan pada komputer.

"Saya sebenarnya boleh membaca, tetapi dengan perlahan. Kalau huruf itu tebal dan besar, lebih senang sikit. Kalau halus, tidak nampaklah."

"Kalau ada rajah yang dilukis, saya akan meminta bantuan adik-beradik atau kawan untuk membuat garisannya dengan tebal agar saya dapat lihat. Saya juga kadang-kadang keliru antara warna biru dengan hitam."

Beliau yang boleh membaca Quran yang ditulis dengan braille, menyambung:

"Cita-cita saya mahu menjadi pendidik dan penulis. Saya mahu menulis buku, novel atau rencana yang berbentuk pendidikan, yang boleh memberi inspirasi dan semangat kepada orang lain."

"Itulah sebabnya saya memilih kursus Bahasa dan Sastera Melayu di UniSIM agar saya dapat menimba lagi ilmu mengenai bahasa dan sastera Melayu."

"Saya juga harap dengan segulung ijazah, saya boleh mendapat pekerjaan yang lebih baik untuk masa depan."



BERKAT SOKONGAN KELUARGA: Bapa Cik Nuraziana, Encik Mohamed Said (kiri) sering menghantar dan mengambil beliau ke UniSIM (gambar kanan). – Foto-foto TAUFIK A. KADER / TUKIMAN WARJI



"Cita-cita saya mahu menjadi pendidik dan penulis. Saya mahu menulis buku, novel atau rencana yang berbentuk pendidikan, yang boleh memberi inspirasi dan semangat kepada orang lain."

– Cik Nuraziana Mohamed Said.

UMRAH BERSAMA

DISEMBER 2013 MUSIM SEJUK



14H UMRAH JEJAK RASUL dr \$3950
Makkah + Madinah + Baitulmaqdis dr \$3950

Bersama Ustaz Jalaluddin Hassan Berangkat: 17/12, 18/12 Pesawat: EK & RJ

11H UMRAH Makkah + Madinah dr \$3270
Berangkat: 18/12, 20/12, 22/12 Pesawat: QR/ EK Langsung ke Madinah

10H ITALY Islamic Tour (Makanan Halal) dr \$4450
Venice + Milan + Verona + Florence + Rome Berangkat: 30/11 Pesawat: EK Tempat Terhad

12H Istanbul + Cyprus dr \$3950
Cappadocia, Pamukale, Ski di Mt Uludag, Kusadasi & Cotton Castle Berangkat: 4/12 Pesawat: EK

10H Spain + Morocco + Casablanca Islamic Tour dr \$3950
Plus Jordan + Petra + Istanbul + Cappadocia Berangkat: 22/11, 14/12 Pesawat: EK

15H Baitulmaqdis dr \$3950
Plus Jordan + Petra + Istanbul + Cappadocia Berangkat: 10/12 Pesawat: EK